



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 7 MAC 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ENOUGH RICE FOR FOUR MONTHS, SAYS MOHAMAD, NEWS, NST -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LEMBU BERKELIARAN ATAS JALAN DITANGKAP, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	NIKMATI MADU KELULUT DARI SARANG DI MAEPS, K2, KOSMO -30	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	PENDAPATAN PESAWAH TIDAK SETIMPAL -SULTAN, UTARA, HAKAKAH -H21	LAIN-LAIN
5.	JELAPANG PADI SELATAN GABUNGAN TIGA NEGERI, MELAKA, SH -28	
6.	HARUMANIS: ANUGERAH UNTUK PERLIS, FIKRAH, HAKAKAH -F1	
7.	HASIL HARUMANIS DIJANGKA MENINGKAT TAHUN INI, FOKUS, HAKAKAH -F2	
8.	HARUMANIS POKOK MANJA, FOKUS, HAKAKAH -F3	
9.	AMAL GAYA HIDUP LESTARI HARUNGI TEKANAN KENAIKAN KOS SARA HIDUP, RENCANA, BH -12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2024	NST	NEWS	6

Enough rice for four months, says Mohamad

THERE is sufficient rice to last more than four months, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

In a written reply in Parliament, he said that as of Feb 27, the physical stock of rice in the country stood at 881,554 metric tonnes, equivalent to 4.41 months of the country's needs.

From the total, 591,554 metric tonnes of rice are stocked in factories, wholesale and retail outlets.

"Imported rice makes up 32,627 metric tonnes, while local rice and padi stood at 107,540 metric tonnes."

Mohamad was responding to Fathul Huzir Ayub (PN-Gerik) who had asked the minister to explain its contingency plans to ensure sufficient supply of rice in the country.

He said the ministry had conducted Op Beras Putih Tem-

patan, Op Jamin and also issued a maximum purchase limit directive for local white rice buyers.

"Furthermore, the ministry is also implementing additional measures to ensure a guaranteed and stable distribution and supply of local white rice, including increasing the distribution of local white rice to suburban and rural areas by the Federal Agricultural Marketing Authority and the Farmers Organisation Authority," the minister said.

Mohamad added that they also provided a subsidy of RM950 per metric tonne for imported white rice for Sabah, Sarawak, and Labuan, starting Oct 5, 2023.

"Padiberas Nasional Bhd, as the concessionaire, is being strengthened by ensuring that the obligations under the concession are met to ensure the sufficiency and availability of the country's rice supply," he added.

Lembu berkeliaran atas jalan ditangkap

GUA MUSANG – Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) menangkap 10 ekor lembu yang berkeliaran di lima lokasi *hot spot* kerap berlaku nahas di daerah ini.

Setiausaha MDGM, Ahmad Hamdan Ubaidah berkata, tangkapan itu dibuat dalam operasi sejak Januari lalu hingga kelmarin.

Lokasi yang dipantau ialah Jalan Sungai Asap-Limau Kasturi, Jalan Felda Chiku 3-Felda Chiku 7, Jalan Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 3-RKT Kesedar Chalil, Jalan Gua Musang-Kuala Krai dan Jalan Sungai Terah-Kampung Meranto.

“Lima ekor lembu itu ditangkap di Felda Chiku 7, Felda Chiku 2 dan Taman Agropolitan Rantau Manis,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Ahmad Hamdan, operasi itu melibatkan 20 anggota Jabatan Penguatkuasaan MDGM, Jabatan Veterinar dan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Gua Musang.

“Pemilik haiwan boleh membuat tuntutan semula dalam masa tujuh hari.



KERATAN Kosmo!
26 Februari 2024.

“Operasi ini akan diadakan secara berjadual kerana terdapat banyak kes kemalangan melibatkan haiwan di daerah ini sejak akhir-akhir ini.

“Pemilik perlu bertanggungjawab menjaga haiwan peliharaan dan tidak menimbulkan gangguan sehingga mengancam keselamatan orang awam,” katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang wanita yang bertarung nyawa lebih tiga hari selepas merempuh seekor anak lembu melintas di daerah ini sebelum dia akhirnya meninggal dunia pada 25 Februari lalu.

Mangsa, Fazleen Mohd. Yusoff, 31, menghembus nafas yang terakhir di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian pada pukul 1.10 pagi selepas mengalami kecederaan parah pada kepala.



ANGGOTA penguat kuasa MDGM menangkap seekor lembu yang berkeliaran di lokasi kerap berlakunya kemalangan di Gua Musang kelmarin.

Horizon



LAMAN Kelulut di MAEPS, Serdang, Selangor menempatkan antara tujuh hingga lapan spesies kelulut.



MADU kelulut di MAEPS lebih masam dan sihat kerana sarangnya terletak berdekatan pokok herba.

Nikmati madu kelulut dari sarang di MAEPS

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

HARUMAN lebih 250 spesies herba dan rempah-ratus menusuk hidung saat pengunjung memasuki Laman Herba dan Laman Kelulut di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. Laman milik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu serba hijau dan kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan yang memiliki nilai perubatan tersendiri.

Selain untuk perubatan, sebahagian tumbuhan di laman yang berbentuk seperti maze (laman sesat) itu juga boleh digunakan dalam masakan atau minuman harian.

Sebaik tiba, pengunjung disambut mesra oleh wakil ekopelancongan MAEPS, sebelum membawa pengunjung mengenali fungsi setiap tumbuhan herba dan rempah-ratus.

Antara yang menarik adalah pokok patawali, tongkat ali, kacip fatimah, misai kucing dan aneka tumbuhan teh.

Pengunjung juga diajar berkenaan perbezaan pokok herba yang bertoksik (tidak boleh dimakan begitu sahaja) dan kurang bertoksik (boleh makan begitu sahaja).

Menurut penyelia ekopelancongan MAEPS, Mohammad Helmi Khuzaimi Hasbim, tempat itu sering menjadi tumpuan pengunjung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang diadakan setiap dua tahun.

"Laman ini menempatkan pelbagai

herba termasuk yang jarang dijumpai.

Herba yang paling diminati pengunjung adalah tongkat ali.

"Hal ini kerana tongkat ali memiliki akar sama panjang dengan batangnya.

"Jadi, setiap kali orang melihat betapa tingginya pokok tongkat ali, mereka akan bayangkan betapa dalamnya akar tumbuhan ini," katanya.

Setelah tamat penjelajahan di laman herba, pengunjung dibawa menikmati

teh herba yang telah siap dibancuh.

Perkara itu dilakukan sebagai salah satu cara untuk memperkenalkan produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) MARDI kepada umum.

Di sebelah laman herba terdapat ladang mini kelulut yang menempatkan tujuh hingga lapan spesies kelulut.

Keunikan kelulut adalah serangga itu tidak menyengat, sekali gus

membolehkan pengunjung merasa madu dari dalam sarangnya.

Tambah Mohammad Helmi, lebah kelulut akan mencari makan sekitar 100 meter di sekelilingnya.

"Jadi, madu kelulut di sini berbeza dengan tempat lain kerana ladang mini ini dikelilingi pokok herba dan bukannya pokok buah.

"Madu kelulut di sini memiliki rasa yang sedikit masam dan lebih berkhasiat berbanding rasa manis di tempat lain.

"Pengunjung juga boleh merasa pengalaman menceduk sendiri madu dari sarang ketika kelulut masih berada dalam sarang," ujarnya.

Bagaimanapun, Mohammad Helmi menyarankan orang ramai supaya menghubungi pihak MAEPS Agro Tourism Park terlebih dahulu sebelum datang berkunjung ke situ.

Hal ini kerana, perkhidmatan itu tidak akan ditawarkan kepada pengunjung yang datang secara persendirian.

Katanya, pengunjung kanak-kanak akan diberi aktiviti tambahan seperti meneka tumbuhan herba dan mewarna.

"Pengunjung boleh masuk secara percuma ke tempat ini pada bila-bila masa. Namun, mereka tidak dapat rasa pengalaman sebenar yang ditawarkan pihak kami.

"Jadi, lebih baik mereka hubungi kami dahulu untuk melihat pakej-pakej yang ditawarkan.

"Ya bagi memastikan pakej yang ditawarkan sesuai dengan kehendak mereka," jelasnya.



PARA pengunjung boleh merasa sendiri madu kelulut dari dalam sarang. — SYAKIR RADIN/MAEPS

Pendapatan pesawah tidak setimpal - Sultan

Oleh **SARINA ISMAIL**

ALOR SETAR: Kerajaan negeri dan Persekutuan perlu bekerjasama menstruktur semula pengeluaran padi bagi memberi pulangan setimpal kepada petani.

Tuanku Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah bertitah situasi yang berlaku sekarang hanya menguntungkan pemain industri hiliran semata-mata.

Titah baginda nasib pesawah perlu diberi perhatian yang serius.

"Hasil pendapatan mereka sekarang sangat rendah, keringat diperah dengan yang balasan tidak setimpal.

"Cabaran yang dihadapi



Tuanku Sultan Kedah

petani kemampuan kewangan untuk mengguna teknologi terkini selain ilmu

pengetahuan agak terhad," titah baginda pada istiadat Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, di Wisma Darul Aman, Isnin lepas.

Baginda turut menyarankan agar kerajaan negeri memikirkan kaedah meningkatkan produktiviti padi sejajar Kedah sebagai negeri pembekal beras negara.

"Pengeluaran beras adalah sektor 'lifeline' yang menjadi asas keselamatan makanan. Teknologi di segenap peringkat rangkaian pengeluaran padi perlu diperkasa bermula pengeluaran benih," titah baginda.

Oleh itu menurut baginda penggunaan teknologi dalam pertanian diperlukan di pertingkatkan lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2024	SINAR HARIAN	MELAKA	28

Jelapang Padi Selatan gabungan tiga negeri

MELAKA - Kerajaan Melaka akan mengemukakan cadangan untuk mewujudkan kawasan Jelapang Padi Selatan kepada kerajaan Persekutuan bagi menjamin bekalan padi negara pada masa depan.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata Jelapang Padi Selatan itu akan melibatkan Melaka, Negeri Sembilan serta Johor.

"Untuk mewujudkan kawasan Jelapang Padi Selatan memerlukan minimum 5,000 hektar tetapi Melaka sahaja tak cukup, sebab itu kena libatkan Negeri Sembilan dan Johor.

"Jika dua negeri ini setuju, kita akan gabung untuk dijadikan Jelapang Padi Selatan kerana ia memberi banyak kelebihan seperti peruntukan-peruntukan tertentu daripada kerajaan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di luar sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Muhamad Akmal berkata, kerajaan negeri juga sedang melakukan kajian bagi mewartakan tanah sawah untuk kelangsungan bekalan padi di negeri itu.

Jelas beliau, berdasarkan data tanah sawah di Melaka adalah seluas 1,395 hektar, namun sebahagiannya telah dibangunkan perumahan dan lain-lain.

"Kalau kita tak buat perkara ini (pewartaan tanah sawah), 10 tahun akan datang kita akan hadapi masalah kemerosotan padi, (pewartaan) akan beri jaminan untuk keterjaminan makanan di Melaka.


"Ketika ini kebanyakan tanah sawah di Melaka terletak di Jasin dan Alor Gajah," katanya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2024	HARAKAH	FIKRAH	F1

Harumanis: Anugerah untuk Perlis

HARUMANIS seperti namanya adalah produk pertanian yang menjadi identiti Perlis. Apabila masak, Harumanis mengeluarkan aroma yang harum, manakala isinya berwarna oren kekuningan. Lazimnya mangga Harumanis enak dimakan begitu sahaja, tetapi boleh juga dimakan bersama pulut dan dijadikan jus untuk minuman istimewa.

Keistimewaan yang tersendiri dan kualiti premium menyebabkan Harumanis Perlis mendapat permintaan tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia, malah menembusi pasaran antarabangsa.



LANJUT DI F2 & F3

Hasil Harumanis dijangka meningkat tahun ini

Oleh NOOR SARA MASHITOH
MOHAMAD HANIF

PERLIS, negeri yang amat bertuah apabila kesuburan tanah dan faktor cuaca panas menyebabkan mangga Harumanis amat sesuai ditanam di negeri utara Semenanjung Malaysia ini.

Ketika tanaman lain berdepan masalah berikutan musim panas yang semakin dirasai, Harumanis sebaliknya memerlukan musim kering untuk menggalakkan pengeluaran bunga, pembentukan putik dan meningkatkan kelekatan putik buah.

Ini yang menyebabkan Harumanis sangat sesuai ditanam di Perlis kerana keadaan cuaca kering yang panjang antara Januari hingga pertengahan Mac.

Penanaman Harumanis di Perlis mempunyai sejarah yang panjang, iaitu bermula pada akhir tahun 1970-an hingga 1980-an apabila projek baik pulih dusun yang diperkenalkan menggunakan pendekatan pembangunan tanah pertanian mengikut kampung.

Pokok yang tidak memberi pulangan ekonomi ditinggalkan dan digantikan dengan tanaman buah-buahan dengan tumpuan kepada Harumanis.

Tanah yang dibangunkan melibatkan kawasan di sekeliling rumah dan lot tanah kawasan kampung yang dipilih. Antara projek menanam Harumanis terawal ialah di Kampung Santan, Padang Pauh.

Penanaman Harumanis dipergiatkan mulai tahun 1983 di bawah pengurusan ladang secara berkelompok dengan pembukaan kawasan baharu melibatkan kawasan hutan, belukar dan tanah terbiar seperti yang dijalankan di Projek Kelompok Paya Kelubi dan Projek Kele Bukit Kedak.

Malah, Jabatan Pertanian membuka ladang Harumanis sendiri di Kompleks Pertanian Bukit Temiang dan Pusat Pertanian Bukit Bintang sebagai ladang



Pelancaran Festival Mangga Harumanis Perlis pada 2023.



Razali Saad ketika melawat ladang Harumanis di Bintong, Kangar.

demonstrasi tanaman Harumanis Perlis dan sebagai pusat rujukan teknologi Harumanis.

Melalui Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis (IADP) antara 1986 hingga 1993, Harumanis mendapat tumpuan dan sejak itu hingga kini, tanaman istimewa itu mendapat pelbagai sokongan dengan keluasan terkini tanaman Harumanis adalah 1,745.79 hektar melibatkan 2,693 pengusaha.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Per taniah negeri, Razali Saad berkata, pengeluaran Harumanis

dijangka meningkat jika pengeluaran bunga bertambah pada bulan depan, sekali gus berupaya menampung permintaan

tinggi sempena Tahun Melawat Perlis (TMPs).

Sejak mula mengeluarkan bunga pada Disember lalu, setakat ini katanya hampir

70 peratus pokok Harumanis mengeluarkan bunga dan 30 peratus lagi mengeluarkan pucuk.

"Tahun ini, hasil pengeluaran Harumanis dijangka meningkat sehingga 2,000 tan metrik berbanding kira-kira 1,243 tan metrik pada tahun lalu," katanya.

Razali turut menggalakkan pengusaha Harumanis menanam secara berkelompok bagi meningkatkan hasil pengeluaran kerana membolehkan mereka berkongsi sumber dan pengetahuan, mengeratkan hubungan antara pengusaha serta meningkatkan akses kepada sokongan teknikal dari agensi pertanian.

"Kita galakkan pengusaha tanam secara berkelompok bagi memudahkan mereka mendapatkan khidmat nasihat Jabatan Pertanian dan mendapat hasil dalam skala lebih besar serta meningkatkan kemampuan membeli input pertanian dengan harga lebih rendah," katanya.

Ketika ini, katanya antara 10 hingga 15 peratus pengusaha menanam Harumanis di sekeliling rumah.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian juga akan mencari jalan penyelesaian mengawal serangga perosak baharu yang dikenal pasti menyerang tanaman ini di beberapa lokasi.

"Jabatan Pertanian mengenal pasti serangga perosak baharu yang mampu menjejaskan kualiti Harumanis. Kita masih mengkaji serangga perosak kerana terdapat tiga kes, iaitu dua di Bintong dan satu di Titi Tinggi," katanya.

Beliau juga menyarankan pengusaha Harumanis menggantikan pokok lama dan melakukan penanaman semula bagi menjamin hasil pada masa hadapan.

"Pengusaha yang berhasrat melakukan penanaman semula boleh mendapatkan khidmat nasihat Jabatan Pertanian, terutama dari segi jarak antara pokok," katanya.

“Tanah yang dibangunkan melibatkan kawasan di sekeliling rumah dan lot tanah kawasan kampung yang dipilih. Antara projek menanam Harumanis terawal ialah di Kampung Santan, Padang Pauh.**”**

Harumanis pokok manja

Oleh NOOR SARA MASHITOH
MOHAMAD HANIF

MOHd Mustaqim Abdullah, 38, meneruskan legasi ayahnya dengan meneruskan Perusahaan Abdullah Sekeluarga (PAS) sejak 1987 dengan mengusahakan penanaman Harumanis.

Ayahnya, Abdullah Lebai Isa adalah antara generasi awal yang merintis penanaman Harumanis ketika orang ramai masih belum begitu mengenali mangga itu.

Ketika itu, katanya Jabatan Pertanian banyak membantu penanam Harumanis dengan memberi tunjuk ajar untuk mengusahakan tanaman itu.

Pada peringkat awal, harga Harumanis hanya RM4 sekilogram kerana masih ramai yang belum kenal buah ini. Sekarang harga sekilogram meningkat hingga RM60.

"Alhamdulillah, semasa tahun 1990-an masih belum ramai mengetahui keenakan buah ini. Sekarang ramai anak cucu merasai hasil pulangan Harumanis," katanya yang menjangka hasil pada tahun ini meningkat berikutan cuaca panas sesuai untuk menghasilkan bunga dan buah.

Selain itu, katanya kualiti premium buah akan



Abdul Karim Omar

meningkat kerana berputik dan membesar dalam keadaan cuaca yang sesuai.

Berbanding kebun Harumanis sedia ada, katanya semakin banyak kebun Harumanis baharu di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), iaitu di tanah bendang yang sebelum ini dikatakan tidak sesuai untuk penanaman buah itu.

Katanya, kerajaan Perlis juga menunjukkan keseriusan membantu menerusi kempen promosi, manakala agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian membantu dari segi penanaman.

Mengulas cabaran penanaman Harumanis, katanya tanpa sifat istiqamah, sukar untuk mengusahakan penanaman Harumanis yang digelar pokok manja.

Jika dilakukan separuh jalan, katanya menanam



Mohd Mustaqim Abdullah

Harumanis tidak akan menjadi kerana pokok lama perlu dicantas untuk membolehkan ranting baharu tumbuh dan disemur penggalak bunga dan apabila pokok mula berbunga, perlu ditongkat menggunakan kayu.

"Jika tidak, bunga yang banyak akan menyebabkan ranting patah," katanya yang memberitahu bahawa penjagaan teliti sebelum pokok berbunga akan menghasilkan buah berkualiti.

Selain itu, katanya racun serangga perlu disemur dan buah dibalut supaya tidak terkena serangan perosak.

"Buah mengambil masa kira-kira 90 hari untuk matang dan boleh dituai apabila mencapai gred kemanisan yang tinggi," katanya.

Sementara itu pasangan Abdul Karim Omar, 71, dan



Abdullah Lebai Isa (kiri) menyerahkan harumanis kepada seorang pembeli.

isterinya, Zabariah Hamzah, 71, yang memiliki 60 pokok Harumanis di kebun seluas 0.28 hektar, membentahu hasil pada tahun ini dijangka mencapai 2,000 biji, manakala paling banyak buah dituai adalah 3,000 biji tiga tahun lalu kerana kurang hujan.

Setakat ini, katanya antara 1,600 hingga ke 1,700 biji Harumanis sudah dibalut.

"Tahun ini cuaca elok, bunga cantik tapi ada pokok rosak kerana terkena racun padi. Mana-mana kebun dalam kampung yang tidak jaga sangat pun tahun ini jadi elok," katanya.

Fakta Harumanis

- Nama saintifik, *Mangifera indica* Linn.
- Harumanis Perlis merupakan klon mangga MA 128 dan antara baka mangga terbaik di Malaysia.
- Tekstur isinya halus, tidak berair dan tidak banyak serat.
- Bahagian bawah Harumanis mempunyai lekuk, manakala mangga lain berbentuk bujur.
- Apabila masak, buah berbau harum, manakala isi manis dan berwarna kekuningan.
- Mempunyai dua warna kulit, iaitu hijau (dibalut dengan kertas pembalut biasa) dan kuning (dibalut dengan kertas karbon). Namun saiz dan rasa isi tetap sama.
- Berat buah antara 350 hingga 650 gram.
- Kaya vitamin A dan B serta mineral seperti magnesium, potasium dan kuprum.
- Sebatang pokok menghasilkan antara 200 hingga 300 biji Harumanis.
- Memerlukan musim kemarau iaitu dari Januari hingga Mac untuk berbunga.
- Buah yang manja kerana memerlukan penjagaan sepanjang tahun.
- Musim Harumanis singkat, iaitu hanya sebulan atau sebulan setengah dalam setahun.
- Harga Harumanis gred A pada musim ini dijangka kira-kira RM35 sekilogram.

Tips Menikmati Mangga Harumanis

KULIT
KULIT HARUMANIS YANG MASAK BERWANGI KEPENYANGAN (BRONCHING).

BRIX
BACAAN BRIX BAGI BUAH HARUMANIS YANG MASAK ADALAH MELEBIHI 15.

LEMBUT
BUAH HARUMANIS BERTEKSTUR LEMBUT DAN TIDAK BERSEBAT.

HARUM
BUAH HARUMANIS YANG MASAK BERBAU WANGI.

INFO TAMBAHAN:
* Tarikh sesuai dimakan dipamerkan sebagai PANDUAN. Sekiranya buah telah mempunyai ciri-ciri di atas, buah telah sesuai untuk dimakan. Buah yang belum memenuhi ciri hendaklah disimpan pada SUHU BILIK SAHATA.

[f @mydooHQ](#)
[t @myDAA_HQ](#)
[i @mydoo_hq](#)
[v @myDAA_HQ](#)

Amal gaya hidup lestari harungi tekanan kenaikan kos sara hidup

• Kenaikan kos sara hidup bakal memberi kesan besar kepada negara dan menyumbang kepada kesenjangan ekonomi semakin melebar antara golongan masyarakat.

• Rakyat perlu lebih cakna, berdisiplin menguruskan perbelanjaan harian, membuat perancangan kewangan jangka pendek dan panjang, serta mengambil keputusan kewangan bijak untuk mencapai kesejahteraan kewangan.



Penganalisis Penyelidikan, Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

Oleh Lili Fariza Ariffin
bhrencana@bh.com.my

Sukar untuk menafikan hakikat kenaikan harga barangan asas dan makanan atau kos sara hidup di samping berlaku inflasi, kemerosotan nilai ringgit, ditambah pula dengan kenaikan dua peratus Cukai Barang dan Perkhidmatan (SST) sejak 1 Mac lalu, semakin mencengkam kehidupan rakyat.

Hari ini, kuasa beli rakyat mengecil, terutama golongan miskin, B40, malah golongan M40. Ada yang terpaksa-kapai memikirkan bagaimanakah cara hendak meneruskan kelangsungan hidup pada masa ini akibat tersepit dengan keadaan ekonomi semasa.

Menurut Jabatan Perangkaan, Indeks Harga Penge- luar Perkhidmatan (IHPRP) negara mencatatkan 115.5 mata pada suku keempat 2023, peningkatan 1.0 peratus berbanding 1.4 peratus pada suku ketiga 2023. Kebanyakan subsektor turut merekodkan peningkatan harga pada suku tahun ini.

Subsektor kesenian, hiburan dan rekreasi mening- kat sebanyak 5.5 peratus (suku ketiga 2023, 0.8 peratus), manakala penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan kenaikan 3.4 peratus (suku ketiga 2023, 4.6 peratus).

Peningkatan itu disebabkan kenaikan dalam aktiviti perkhidmatan minuman (4.0 peratus) dan restoran serta aktiviti perkhidmatan makan bergerak (3.8 peratus).

Komponen makanan di rumah meningkat 1.1 peratus pada Januari 2024 berbanding Disember 2023, 1.3 peratus, didorong oleh kelas perbelanjaan bijirin dan produk bijirin yang meningkat kepada 2.7 peratus pada Januari lalu berbanding 3.0 peratus pada Disem- ber 2023.

Pendekatan menyeluruh menangani ekonomi

Angka kenaikan harga barangan seumpama ini hanya menandakan kekusaran pada orang ramai. Kenaikan kos sara hidup bakal memberi kesan besar kepada negara dan menyumbang kepada kesenjangan ekonomi semakin melebar antara golongan masyarakat.

Menangani kos sara hidup adalah cabaran kompleks, memerlukan pendekatan menyeluruh. Pakar ekonomi acapkali mencadangkan kadar gaji atau upah minimum pekerja dinaikkan dalam usaha membantu rakyat mendepani cabaran kos sara hidup semakin tinggi.

Bagaimanapun, kadar gaji minimum RM1,500 sebulan ditetapkan kerajaan masih tampak kurang berhasil mengimbangi kenaikan kos sara hidup diha- dapi rakyat masa kini.

Oleh itu, kerajaan perlu tangkas menangani semua masalah berkaitan hidup dan kehidupan rakyat, kos kehidupan semakin meruncing dan sebagainya secara tuntas dan terbuka, tanpa berlengah lagi.

Jika rakyat berasakan kehidupan mereka menjadi semakin sukar pada masa ini berbanding sebelu- nya, ini bermakna kerajaan perlu mencari jalan menambah baik dasar, strategi, formula dan hala tuju pengurusan ekonomi sedia ada dengan segera.

Oleh itu, satu reformasi ekonomi perlu dirangka dengan teliti supaya langkah jangka pendek dan pan- jang dapat dilaksanakan segera untuk membantu mengurangkan bebanan rakyat.

Kerajaan perlu memastikan semua kementerian dan agensi bertindak secara kolektif serta proaktif dalam mengurangkan bebanan rakyat.

Antara lain, pemantauan secara bersepadu dan berterusan untuk memastikan kekurangan bahan mentah, makanan asas dan lain-lain lagi dalam pasaran, tidak berlaku lagi. Sikap peniaga dan pem- borong yang sesuka hati menaikkan harga barangan

selepas kenaikan SST perlu diberi tumpuan kerajaan.

Rakyat perlu pantau harga barangan

Sementara itu, rakyat juga tidak boleh lepas tangan dan perlu memainkan peranan masing-masing dengan menjadi mata serta telinga bagi pihak berwajib memantau harga barang. Penguatkuasaan undang- undang dan kerjasama masyarakat adalah antara langkah paling berkesan bagi membendung masalah kenaikan harga barangan.

Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengenakan Cukai Makmur, seperti yang terkandung dalam pembentangan Belanjawan 2022 untuk membantu orang ramai menghadapi keadaan semasa menekan ini. Cukai Makmur perlu diperkenalkan kepada syarikat merjana pendapatan tinggi untuk membantu menampung subsidi diberikan kepada rakyat.

Paling penting, apakah usaha yang patut rakyat mainkan waktu ini, untuk mengurangkan bebanan kewangan dihadapi dan kos kehidupan semakin tinggi. Inilah masanya untuk rakyat mengamalkan gaya hidup lestari.

Rakyat boleh memulakan projek penanaman sayur-sayuran seperti 'taman dapur' atau pertanian menegak secara kecil-kecilan antara cara praktikal bagi mengurangkan kos perbelanjaan serta mencapai keterjaminan makanan.

Sejak kebelakangan ini, banyak projek perta- nian menegak menggunakan sistem aeroponik dan hidroponik yang cekap serta efektif dilaksanakan kerana tidak memerlukan banyak air, ruang dan masa berbanding teknik pertanian konvensional.

Pembaziran sumber daya juga harus dielakkan dan aktiviti seperti kitar semula serta pembelian bertang- gungjawab harus menjadi amalan rakyat.

Tidak lama lagi sebahagian besar rakyat akan menyambut Ramadan dan sabah tahun berita pembaziran makanan atau perbelanjaan melampaui kemampuan sama ada di bazar atau bufet Ramadan sering berlaku.

Seiring dengan peningkatan kos sara hidup sema- kin meruncing ini, jadikan tahun ini sebagai permu- laan untuk rakyat berbelanja lebih berhemat.

Rakyat juga kini harus menguasai literasi kewan- gan bagi membantu menguruskan kewangan dan gaya hidup supaya sejajar dengan pendapatan dan sumber daya tersedia.

Dalam konteks kos sara hidup, rakyat perlu lebih cakna dan berdisiplin menguruskan perbelanjaan harian, membuat perancangan kewangan jangka pendek dan panjang, serta mengambil keputusan kewangan bijak untuk mencapai kesejahteraan kewan- gan.

Penting bagi rakyat untuk 'ukur baju di badan sendiri' dan mempunyai kemampuan membezakan antara keperluan serta kehendak dalam perbelanjaan harian. Ini membantu individu membuat keputusan bijak meletakkan wang mereka dan mengutamakan perbelanjaan berkaitan dengan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan kesihatan.

Namun, kerajaan juga tetap perlu mencari jalan bagi memastikan segala kenaikan harga barang dan kos sara hidup ini berada pada paras tidak begitu membebankan rakyat.

Rakyat boleh memulakan projek penanaman sayur-sayuran seperti 'taman dapur' atau pertanian menegak secara kecil-kecilan antara cara praktikal bagi mengurangkan kos perbelanjaan serta mencapai keterjaminan makanan

